

Panduan Penjaga tentang Privasi & Keselamatan

Penghasilan alatan teknologi pendidikan yang mudah digunakan sahaja tidak memadai. Alatan tersebut juga mestilah selamat dan terjamin. Dengan Chromebook dan Google Workspace for Education, privasi bukan sekadar ciri, malahan merupakan keutamaan kami. Sekolah bertanggungjawab terhadap kandungan pelajar mereka dan pelajar boleh belajar dalam persekitaran digital yang mudah diakses, peribadi dan selamat.



Apakah yang dilakukan oleh Google untuk memastikan pembelajaran digital yang lebih selamat?

Apabila pelajar berada di sekolah, mereka menggunakan Perkhidmatan Teras Google Workspace for Education seperti Classroom, Drive, Docs dan pelbagai lagi. Yang berikut ialah beberapa cara anda boleh tahu bahawa pelajar anda dan akaun sekolah mereka dalam keadaan selamat:



Selamat secara lalai

Kami memastikan data dan persekitaran pembelajaran digital anda selamat. Google Workspace memberikan maklumat masa nyata tentang ancaman keselamatan dan Chromebook dibina dengan berbilang lapisan keselamatan. [Tonton video ini](#) untuk mengetahui lebih lanjut.



Kawalan di tangan anda

Google for Education direka bentuk dengan privasi dan keselamatan sebagai keutamaan tertinggi dan hal ini bermakna sekolah dan pengguna mengekalkan keupayaan mengawal Data Pelanggan mereka.



*Kandungan tanpa iklan dan boleh dipercayai

Semua Perkhidmatan Teras Google Workspace for Education – seperti Classroom, Drive, Docs, Gmail, Calendar dan pelbagai lagi – adalah selamat dan tidak mengandungi iklan. Selain alatan ini, Google menyediakan akses kepada sumber pendidikan yang berkualiti dan bersesuaian dengan umur.



Direka bentuk untuk privasi

Privasi ialah asas platform pendidikan kami. Kesemua Perkhidmatan Teras Google Workspace for Education mencerminkan standard pematuhan setempat, kebangsaan dan antarabangsa yang ketat termasuk [GDPR](#), FERPA dan COPPA. [Tonton video ini](#) untuk mengetahui lebih lanjut.



Ketahui lebih lanjut tentang [komitmen Google for Education](#) terhadap privasi dan keselamatan.

Bagaimanakah anda boleh menyokong kesejahteraan digital dan keselamatan dalam talian anak anda, terutamanya semasa mereka menerokai teknologi baharu?


Keselamatan dalam talian: Bantu pelajar membina tabiat digital yang sihat dan mempelajari amalan terbaik keselamatan dalam talian di sekolah dengan [Be Internet Awesome](#). Akses sumber, permainan, pelajaran dan [Be Internet Awesome Family Guide](#) – yang dibuat melalui kerjasama dengan pakar keselamatan digital, seperti Family Online Safety Institute.

Kesejahteraan digital: Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara mengimbangi penggunaan teknologi dan cara meluangkan masa yang bermakna dalam talian, akses [Digital Wellbeing Family Guide](#). Sumber ini boleh membantu keluarga menavigasi dunia digital dengan maklumat tentang kesejahteraan, cara melindungi privasi dan keselamatan peribadi, cara melindungi maklumat anda, cara mengenal pasti percubaan penipuan dan pancingan data serta pelbagai lagi.

Privasi dan keselamatan untuk pelajar anda

Akaun Google Workspace for Education bersifat peribadi, selamat dan diurus oleh pentadbir sekolah. Pelajar menggunakan akaun ini untuk mengakses alatan popular untuk pembelajaran di sekolah, seperti Classroom, Drive, Docs dan pelbagai lagi. Semak [Pusat Privasi dan Keselamatan](#) kami untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara pengguna, peranti dan data dilindungi. Baca juga [Notis Privasi Google Workspace for Education](#) untuk mengetahui butiran tentang akaun sekolah pelajar anda dan jenis data yang dikumpulkan. Ada pertanyaan? Hubungi pentadbir sekolah anda, [baca Soalan Lazim kami](#) atau [hubungi Google](#).

Jika pelajar anda mempunyai Google Account peribadi, akaun tersebut adalah berasingan daripada akaun sekolah mereka dan boleh digunakan untuk mengakses alatan di rumah, seperti YouTube Kids, Google Search dan pelbagai lagi. Penjaga boleh memantau akaun anak mereka menggunakan kawalan [Family Link](#) untuk menetapkan had masa skrin, tetapan berdasarkan umur dan pelbagai lagi. Tiada hubungan antara akaun sekolah pelajar dengan akaun peribadi mereka – hal ini bermaksud sebarang data daripada sekolah tidak digunakan dalam akaun peribadi pelajar mahupun selepas mereka tamat persekolahan.



Cuba pembuka perbualan ini untuk mula bercakap tentang tabiat teknologi yang sihat di rumah:

- 01 Adakah anda menggunakan Chromebook di sekolah? Apakah tujuan anda menggunakan peranti tersebut?
- 02 Apakah perkara yang anda gemar lakukan dalam Internet atau pada komputer anda?
- 03 Apakah laman web, apl atau video yang telah memberikan pengajaran, inspirasi atau motivasi kepada anda?
- 04 Berapa lamakah masa yang anda luangkan pada telefon, komputer atau peranti anda?
- 05 Bagaimanakah anda menjejaki masa skrin anda di sekolah? Di rumah?
- 06 Pada pendapat anda, apakah bentuk keseimbangan digital yang baik?

